PENANG

1 - 15 JULAI, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

# Syor 20 peratus hasil cukai dikembalikan



SPEAKER DUN, Dato' Law Choo Kiang (barisan tengah, berjubah) dan Ketua Menteri merakam gambar bersama-sama barisan ADUN selepas Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Ke-15 ditangguhkan pada 30 Mei lalu.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Persekutuan disyor memulangkan kembali sekurang-kurangnya 20 peratus atau kira-kira RM1.6 bilion dari sumber hasil cukai semasa yang berjaya dikutip dari negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyuarakan cadangan itu semasa menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 29 Mei 2024.

"Sebenarnya, kita (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) perlu kaji semula sistem pengagihan peruntukan (Persekutuan) kepada negeri-negeri (kerana) bukan perkara yang asing, dan ada negara memang mempraktikkan (amalan sebegini).

"Kalau kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) boleh minta kepada Kerajaan Persekutuan, dari hasil cukai-cukai yang dikutip dari Pulau Pinang, sekiranya dapat dipulangkan, selain dalam bentuk projek-projek, pulangkan 20 peratus daripada cukai yang dikutip dari Pulau Pinang, balik ke Pulau Pinang setiap tahun, kita akan ada lebih RM1 bilion," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, Kerajaan Negeri akan mendapat peruntukan tahunan kira-kira 20 peratus atau RM1.6 bilion jika mengambil kira rekod kejayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengutip hasil cukai antara RM7 bilion hingga RM8 bilion dari Pulau Pinang.

Sebelum itu, Hsiao-Leung meminta Kon Yeow menjelaskan mengenai rancangan Kerajaan Negeri menarik pelaburan langsung asing (FDI) berkaitan sektor semikondukor ke Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga kini.

Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menerusi agensinya, *InvestPenang* (IP) memang agresif dalam mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan strategik dan utama bagi sektor semikonduktor pada peringkat Asia Pasifik.

Sebagai penanda aras, beliau memberitahu bahawa data yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menunjukkan nilai pelaburan FDI sektor elektrik dan elektronik (E&E) ke Pulau Pinang bagi tahun 2018 berjumlah RM1.5 bilion, RM9.5 bilion (2019), RM4.2 bilion (2020), RM73.5 bilion (2021), RM5.2 bilion (2022) dan RM53.3 bilion (2023).

"Bagi tahun 2021, apa yang diumumkan (oleh MIDA) adalah RM76 bilion, tetapi saya menyatakan RM73.5 bilion sekarang sebab RM73.5 bilion ini adalah khusus untuk sektor E&E, (tidak termasuk) sektor-sektor lain termasuk sektor perkhidmatan," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyatakan hasrat Pulau Pinang untuk mendapatkan limpahan peruntukan Persekutuan di bawah Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS) yang berjumlah kira-kira RM25 bilion, seperti diumumkan Perdana Menteri 28 Mei lalu.

*(Sambungan di muka 13).*

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15

# Opsyen tingkat hasil Kerajaan Negeri

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa sekurang-kurangnya terdapat tiga opsyen untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri yang mana sekali gus menangani kebimbangan kekangan kewangan semasa di Pulau Pinang, kini.

Opsyen pertama, Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkenaan menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat semakan cukai tanah berdasarkan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara (Akta 828), bagi tanah bermilik sekurang-kurangnya 10 tahun sekali.

"Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mempunyai bidang kuasa untuk menyemak cukai tanah bagi tanah bermilik sekurang-kurangnya 10 tahun sekali.

"Cukai tanah di negeri ini telah disemak pada tahun 1970, 1984 dan 1994. Justeru, kali terakhir semakan cukai tanah di negeri ini ialah pada tahun 1994 tetapi ia hanya berkuat kuasa pada tahun 1996," jelasnya semasa sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 di sini pada 30 Mei 2024.

Opsyen kedua pula, Kon Yeow menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melaksanakan rebat tunggakan cukai tanah dan petak sebanyak 50 peratus sehingga 31 Mei 2024.

"Cadangan ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 14(1)(j), Akta 828 yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri membuat peruntukan mengenai pemungutan, pengurangan, perebatan, pembayaran secara ansuran atau penangguhan berkaitan pembayaran cukai.

"Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat semakan pengiraan semula denda lewat bagi cukai tanah dan cukai petak di Pulau Pinang memandangkan ia melibatkan pengenaan denda ke atas denda," ujarnya sambil menjelaskan tarikh pengiraan baharu denda lewat ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2024.

Langkah itu, menurut Kon Yeow, hanya dikenakan kepada pembayar cukai tanah serta cukai petak yang gagal membuat pembayaran sebelum 31 Mei setiap tahun seperti mana yang telah ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara.

"Pengenaan denda lewat cukai tanah dan cukai petak di negeri Pulau Pinang dikira berdasarkan cukai tahunan sahaja dan tidak melibatkan jumlah tunggakan cukai serta tunggakan denda lewat secara keseluruhan.



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormat Pasukan Simpanan Persekutuan sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Ke-15 dekat sini baru-baru ini.

"Kadar denda lewat yang dikenakan adalah masih sama iaitu sepuluh peratus bagi cukai tanah dan lima peratus bagi cukai petak," ulasnya sambil memberitahu bahawa pengiraan baharu denda lewat tersebut bukan berbentuk retrospektif dan tidak terpakai kepada orang awam yang telah membuat pembayaran tunggakan denda lewat sebelum tarikh semakan semula pengiraan denda lewat ini dikuatkuasakan.

Sementara opsyen ketiga, Kon Yeow memberitahu bahawa cadangan untuk pelaksanaan pengkelasan semula tanah desa ke tanah bandar yang mana sejak 54 tahun lepas sempadan bagi 16 bandar tidak pernah dipinda.

"Sebagai makluman, terdapat sempadan bagi 16 bandar ini tidak pernah dipinda sejak 54 tahun lalu walaupun kawasan di sekitarnya telah melalui pembangunan pesat melibatkan tanah-tanah desa yang mana bandar-bandar berkaitan dicadangkan diubah sempadannya dengan memasukkan kawasan-kawasan dibangunkan dan yang telah diluluskan Kebenaran Merancang oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Cadangan untuk meminda sempadan bandar dan pewujudan bandar baharu adalah mengambil kira pembangunan sedia ada yang telah memenuhi kehendak perancangan seperti Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang, Rancangan Tempatan Daerah serta memenuhi kriteria penubuhan bandar-bandar baru di bawah Dasar Perbandaran Negara yang merupakan satu dasar sektoral dalam Rancangan Fizikal Negara.

"Bandar-bandar baru yang dicadangkan ini adalah merupakan bandar utama dan bandar tempatan yang telah disenaraikan dalam Dasar Perbandaran Negara bagi Negeri Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

## Cakna kebajikan, Kerajaan Negeri ambil langkah proaktif bantu golongan memerlukan

Oleh : **NURASHIKIN ISMAIL**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa cakna akan kebajikan dan isu jaringan keselamatan sosial rakyatnya dalam menangani insiden 'jatuh miskin mengejut' luar jangka.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata demikian sebagai menjawab Soalan Lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kelima Belas di sini 28 Mei lalu.

Menurut Siew Khim, jaringan keselamatan sosial



**LIM Siew Khim.**

yang disediakan adalah melalui bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang disalurkan kepada keluarga atau individu memerlukan bantuan segera untuk menampung keperluan asas harian.

"Antaranya, penyaluran bantuan melalui Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN) dalam bentuk wang tunai secara *'one-off'* dengan jumlah maksimum sebanyak RM500.

"(Di samping itu), bantuan kewangan melalui skim Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) (juga disalurkan) bertujuan untuk meringankan beban keluarga tidak berkemampuan yang mana Pendapatan Per Kapita (PPK) RM260 digunakan bagi menentukan kelayakan dan pertimbangan skim BAES.

"(Dan) sekiranya layak, kadar bantuan BAES yang akan dibayar adalah berdasarkan kadar minimum bernilai RM100 sehingga RM1,300 maksimum sebulan, mengikut kaedah pengiraan yang ditetapkan Dasar BAES," jelas ADUN Sungai Pinang itu.

Tambah Siew Khim, terdapat juga bantuan peruntukan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang dilaksanakan melalui setiap JKM Negeri yang boleh dipohon mengikut keperluan dan kelayakan.

"Antaranya, Tabung Bantuan Segera Persekutuan (TBSP); Bantuan Kanak-kanak (BKK); Bantuan Warga Emas (BWE); Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU); Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB); Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT); Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan dan Bantuan Anak Pelihara (BAP).

"Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif membantu golongan di bawah kategori B40 seperti menampung kos perbelanjaan atau membaik pulih kediaman di bawah Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin; Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang menawarkan pelbagai modal permulaan perniagaan; Skim Pinjaman Harapan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Program i-Sejahtera yang merupakan penghargaan berbentuk kewangan secara setahun sekali.

"Malah, Kerajaan Negeri juga menerima baik inisiatif Kerajaan MADANI yang memperkenalkan Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI) untuk mengupayakan komuniti melalui aktiviti peningkatan sosioekonomi pada peringkat komuniti," katanya.

# Peruntukan khas Pusat laksana projek pembangunan negeri

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengemukakan permohonan khas 'tambahan' berjumlah RM100 juta kepada Kementerian Kewangan bagi membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan perkara itu ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 dekat sini 30 Mei lalu.

"Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan khas kepada Kementerian Kewangan berjumlah RM100 juta pada bulan Februari 2024.

"Peruntukan khas ini adalah bagi membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat di negeri ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata bahawa Kerajaan Negeri turut berharap 93 projek dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17.7 bilion yang dimohon di bawah Rolling Plan Kelima (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) menerima kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Negeri terus berharap khabar gembira daripada Kerajaan Persekutuan terhadap permohonan 93 projek dengan anggaran kos RM17.7 bilion dan peruntukan yang diperlukan oleh negeri Pulau Pinang untuk tahun 2025 adalah berjumlah RM2.8 bilion di bawah RMKe-12," katanya.

## Catat perbelanjaan surplus, optimis tingkat kutipan hasil



KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco dan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan selepas sidang DUN ditangguhkan pada 30 Mei lalu.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencatatkan lebihan kewangan sebenar (surplus) sebanyak RM28.66 juta ekoran hasil sebenar negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM342.60 juta, melebihi perbelanjaan sebenar RM313.95 juta sehingga 29 Mei 2024.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian sebagai menjawab kebimbangan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkenaan unjuran defisit Kerajaan Negeri yang dikatakan semakin melebar saban tahun.

"Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan strategi pengurangan unjuran defisit negeri daripada RM1.047 bilion kepada RM863.10 juta.

"Strategi ini merupakan langkah kawalan dalaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri demi kelangsungan fiskal negeri.

"Sekiranya jabatan, agensi, badan berkanun dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dapat mematuhi disiplin penjajaran ke atas perbelanjaan tahun 2024, Kerajaan Negeri optimis strategi ini mampu mengeluarkan Kerajaan Negeri daripada mengalami defisit sebenar pada akhir tahun ini," katanya ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 di sini 30 Mei lalu.

Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga bersedia mempertimbangkan alternatif bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

"Antara bentuk bantuan yang ditawarkan oleh MOF adalah pemberian pendahuluan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan jumlah defisit sebenar negeri pada tahun sebelumnya.

"Alternatif lain adalah melalui permohonan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang mana kaedah ini lebih sesuai bagi pelaksanaan projek-projek berskala besar dan projek yang memberi impak kepada rakyat," ulasnya.

Selain itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut melihat kemungkinan untuk melaksanakan projek-projek kecil yang telah dibajetkan di bawah bajet pembangunan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai peruntukan daripada Kementerian Ekonomi.

"Di samping itu, kerjasama dengan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang perlu diperkukuhkan agar manfaat pelaksanaan program dan projek ke atas rakyat Pulau Pinang dapat diselaraskan.

"Langkah ini juga adalah bagi memastikan tiada pertindihan perbelanjaan bagi maksud dan tujuan yang sama," katanya sambil menambah bahawa Kerajaan Negeri optimis masih dapat berdikari secara positif dengan komitmen dan kepercayaan daripada semua pihak.

Walau bagaimanapun, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata bahawa Kerajaan Negeri yakin dapat meningkatkan kutipan hasil tahun 2024 dengan lebih baik berbanding tahun lepas.

"Dengan iltizam dan komitmen daripada semua pihak, Kerajaan Negeri percaya prestasi kewangan negeri akan lebih baik pada tahun ini," katanya.

## Rangka strategi kekal hab semikonduktor

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan terus berusaha bagi memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif dalam pembangunan semikonduktor pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tujuh strategi telah dirangka dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab global bagi industri berteknologi tinggi di samping mengembangkan aktiviti elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor sedia ada.

"Kerajaan Negeri memberikan fokus dalam membangunkan rantaian bekalan untuk peralatan pembuatan bahagian hadapan dan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta reka bentuk dan pembangunan (D&D).

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran untuk menjadi negeri berorientasikan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) dengan menggalakkan pelabur mengamalkan konsep hijau bagi pembinaan kilang baru atau menaik taraf kilang sedia ada.

"Malah, taman-taman perindustrian baru bertaraf antarabangsa turut dibina seperti Taman Teknologi Bandar Cassia, Taman Perindustrian Batu Kawan III dan Penang Science Park Selatan yang bakal menambah jumlah kawasan perindustrian melebihi 800 ekar," katanya semasa menjawab soalan lisan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 dekat bangunan Dewan Undangan Negeri di sini 27 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga akan memastikan kemudahan untuk menjalankan perniagaan di Pulau Pinang akan kekal kompetitif.

"Ini termasuk membantu para pelabur mencari lokasi pilihan, bagi memulakan operasi dan menjadi pemudah cara antara pelabur dengan agensi Persekutuan serta Negeri dalam pelbagai aspek," katanya.

Tambah Kon Yeow, Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) dan Digital seluas 42.5 hektar di Taman Perindustrian Bayan Lepas turut akan dibina yang menawarkan sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menempatkan projek berimpak tinggi.

"Kerajaan Negeri turut menyediakan perancangan strategik untuk menarik bakat baharu serta mengekalkan bakat sedia ada dengan menawarkan pelbagai insentif seperti Future Foundation Scholarship, Penang GBS Industry Academy dan sebagainya.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri giat mempromosikan Pulau Pinang ke luar negara dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pelabur-pelabur berpotensi terutamanya Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Eropah," ulasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15

# Rumah Teh Bunga bakal diwarta sebagai bangunan warisan

**GEORGE TOWN -** *The Floral Tea Mansion* atau Rumah Teh Bunga yang terletak di No. 138 Jalan Hutton bakal disenaraikan sebagai bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa Kerajaan Negeri menyokong supaya rumah agam lama itu diwartakan sebagai bangunan warisan kerana nilai sejarah yang terdapat padanya.

"Buat masa ini, Pulau Pinang mempunyai 11 bangunan yang diwartakan sebagai bangunan warisan negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

"(Dan) Rumah Teh Bunga bakal menjadi bangunan kedua belas yang bakal diwartakan nanti," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 29 Mei 2024.

Berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Hon Wai, 11 bangunan warisan yang diwartakan adalah bangunan Lembaga Muzium Pulau Pinang, Lebuh Farquhar; Dewan Bandaran dan Bandaraya Pulau Pinang, Jalan Padang Kota Lama; Menara Jam Peringatan Ratu Victoria, Lebuh Light dan Gereja St.George di Lebuh Farquhar.

Selain itu, Makam Sheikh Omar, Air Itam; Masjid Melayu Lebuh Acheh, Lebuh Acheh; Masjid Kapitan Keling, Jalan Kapitan Keling; Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Lebuh Farquhar; Leong San Tong Khoo Kongsi, Lebuh Cannon; Penang Free School, Jalan Masjid Negeri dan Batu Bertulis Cherok To'Kun, Bukit Mertajam.

Mengulas mengenai cadangan ADUN Teluk Bahang, Muhamad Kasim untuk menjadikan kampung tradisi di Balik Pulau Sebagai 'Kampung Warisan' di bawah pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Hon Wai memaklumkan bahawa suatu kajian terperinci perlu dilakukan dengan bantuan agensi berkaitan bagi mengenal pasti ciri-ciri dan kriteria mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Malah, berdasarkan Inventori Bangunan Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), beberapa buah rumah kedai, monumen, pejabat daerah, sekolah, gereja dan kuil di Balik Pulau telah dikenal pasti sebagai bangunan warisan yang perlu dipulihara dan dikekalkan seperti asal.



WONG Hon Wai.

"PLANMalaysia Pulau Pinang juga telah membangunkan Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMs) iaitu sistem pangkalan data dan analisis spatial maklumat geografi (GIS) desa yang komprehensif," jelasnya.

## Penyewa PPR boleh mohon lanjutan tempoh huni

**GEORGE TOWN –** Penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) yang berpendapatan isi rumah melebihi RM1,500 sebulan masih boleh memohon untuk mendiami unit kediaman sama selama tiga tahun lagi untuk dipertimbang oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Syn Tze dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 28 Mei 2024.

"Kerajaan Negeri sedia menyewakan rumah ini kepada kategori sedemikian (iaitu golongan berpendapatan 40 peratus paling rendah, B40) selama tiga tahun dengan harapan besar status ekonomi keluarga itu boleh meningkat dalam tempoh tiga tahun.

"Jika tidak dapat, mereka boleh mohon (menyewa PPR) untuk tempoh tiga tahun lagi.

"Kita (Kerajaan Negeri dan LPNPP) berharap dalam tempoh tiga tahun tambah tiga tahun lagi itu, status ekonomi mereka dapat ditingkatkan," jelasnya yang juga ADUN Perai.

Dalam sesi soalan lisan, Syn Tze memberitahu bahawa bermula 1 Mei 2022, Kerajaan Persekutuan telah menguatkuasakan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 kepada semua majikan yang mengambil lima orang pekerja atau lebih.

Berdasarkan garis panduan penguatkuasaan tersebut, beliau bertanya sama ada Kerajaan Negeri bercadang meminda sebahagian syarat kelayakan menyewa rumah pangsa PPR yang menetapkan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,500.

Sundarajoo menjelaskan bahawa LPNPP ketika ini sedang melaksanakan Kajian Semula Had Penetapan Isi Rumah peringkat negeri.

"(Perkara ini) akan diteliti sepenuhnya sebelum ia diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.

"Sehingga tarikh 30 April 2024, sebanyak 940 orang berdaftar dan menunggu (tawaran) rumah jenis sewa (PPR)," ujarnya sambil memberitahu bahawa pihaknya sedang mengemas kini data pemohon menerusi Sistem Maklumat Perumahan (SMP).



S. Sundarajoo.

## I-Sejahtera, perbelanjaan terbesar bajet negeri

**GEORGE TOWN –** Peningkatan defisit dalam bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berpunca daripada pelaksanaan pelbagai program dan projek yang memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa semua program dan projek yang dilaksanakan itu membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin terhadap keperluan serta kehendak penduduk di negeri ini.

"Perbelanjaan terbesar dalam bajet negeri adalah bagi program i-Sejahtera yang merangkumi sumbangan kepada warga emas dan waris, ibu tunggal dan waris, anak emas serta ibu emas.

"Sehingga 30 April 2024, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM49.80 juta bagi tujuan ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri masih meneruskan bantuan kepada pemandu teksi, operator bas sekolah dan penarik beca yang berdaftar dengan anggaran perbelanjaan hampir RM80 juta pada tahun 2024," katanya.

Beliau demikian ketika menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di bangunan Dewan Undangan Negeri dekat sini 27 Mei lalu.

Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut menyumbang dalam caruman tahunan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM240 juta bagi menampung pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri.

"Selain itu, elaun-elaun kepada pegawai-pegawai masjid, Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Jawatankuasa Pembangunan Belia Pulau Pinang (JBPP) masih disalurkan berjumlah RM15.25 juta.

"Sumbangan tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh juga disalurkan sebanyak RM15 juta di samping program-program rasmi negeri pada nilai purata RM3 juta setahun," ujarnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa menyedari bahawa rizab negeri akan digunakan bagi menampung unjuran defisit, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan 'Strategi Pengurangan Unjuran Defisit Negeri Tahun 2024' yang melibatkan beberapa langkah proaktif.

"Antaranya adalah dengan melaksanakan penjajaran semula Bajet Mengurus Negeri Tahun 2024 daripada RM1.047 bilion kepada RM863.11 juta di samping memberi keutamaan kepada perbelanjaan berkanun berbanding perbelanjaan tidak berkanun negeri.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan sekatan perbelanjaan ke atas Objek Sebagai (OS) tertentu bagi mengoptimumkan langkah-langkah penjimatan.

"Peruntukan Akaun Amanah atau Kumpulan Wang Amanah juga lebih diutamakan berbanding Peruntukan Mengurus Negeri bagi Jabatan berkaitan serta melipatgandakan usaha dan inisiatif untuk meningkatkan hasil negeri," katanya.

# Rasional 'Silicon Island' untuk keperluan 40 tahun akan datang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri masih memerlukan pulau buatan A yang dikenali sebagai *'Silicon Island'* sungguhpun Kerajaan Persekutuan akan membiayai penuh kos pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) – Laluan Mutiara – dari Bayan Lepas ke Komtar yang akan berakhir di Penang Sentral, Butterworth.

Mengulas lanjut, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Pembangunan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa Pulau Pinang masih memerlukan *'Silicon Island'* bagi menangani isu kekurangan tanah serta memenuhi keperluan pelaburan dan industri bagi tempoh 40 tahun akan datang.

"*Silicon Island* diwujudkan untuk pembangunan industri, komersial, perumahan dan juga tarikan pelancong (justeru) adalah rasional untuk meneruskan (kerja-kerja penambakan laut dan mewujudkan sebuah) pulau yang kini dikenali sebagai *'Silicon Island'*.

"Untuk 40 tahun akan datang, Pulau Pinang memang memerlukan Pulau Silikon *(Silicon Island)* bagi menangani (isu) kekurangan tanah untuk kegunaan industri khususnya bagi menghubungkan kawasan industri sedia ada di Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)," jelasnya dalam Sesi Soal Jawab Lisan bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 28 Mei 2024.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga itu lagi, *'Silicon Island'* adalah projek penambakan laut milik penuh Kerajaan Negeri.

"Melalui *'Silicon Island'*, Pulau Pinang dijangka menjana impak KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) RM1.1 trilion, menarik pelaburan berjumlah RM74.7 bilion dan menghasilkan 220,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 30 tahun," ujarnya sebagai menjawab dua Soalan Lisan daripada ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

Zairil turut menjelaskan bahawa buat masa ini, Kerajaan Negeri hanya merancang mewujudkan sebuah *'Silicon Island'* sungguhpun cadangan asal adalah mewujudkan tiga buah pulau buatan.

"Kerajaan Negeri telah mengumumkan pada 11 Mei bahawa penambakan Pulau B dan Pulau C tidak diteruskan pada masa ini," ulasnya.

Selain itu, Zairil turut menjelaskan mengenai proses pemilihan serta status beberapa firma perunding yang terlibat dalam projek *'Silicon Island'*, sebagai menjawab soalan tambahan daripada ADUN Penanti, Zulkefli Bakar.

"Perunding-perunding yang terlibat dalam (kajian reka bentuk) contohnya, mereka dilantik oleh PDP (rakan pelaksana projek) secara langsung, tetapi ada juga perunding yang dilantik dengan usaha sama Kerajaan Negeri melalui Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat usaha sama yang mana Kerajaan Negeri mengetuai syarikat tersebut," ujarnya.

Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa sebelum ini permohonan kerja-kerja mewujudkan pulau buatan A, B dan C adalah secara berasingan dan dimohon dalam masa yang sama.

Menjawab soalan tambahan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik, Zairil memberitahu bahawa lebihan kewangan daripada projek mewujudkan *'Silicon Island'* kelak akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri termasuk untuk tujuan pembangunan infrastruktur di bahagian Seberang Perai.

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang selepas itu terpaksa menangguhkan hasrat Muhammad Fauzi Yusoff (Ketua Pembangkang merangkap ADUN Sungai Dua) mengajukan soalan tambahan berkaitan kerana peraturan dewan hanya membenarkan dua soalan tambahan bagi satu-satu Soalan Lisan.

## Bil air dwi-bulanan, beri penjimatan kepada pengguna

**GEORGE TOWN** – Pengebilan secara dwi-bulan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) kini adalah lebih menjimatkan berbanding pengebilan yang dibuat secara bulanan.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata, amalan pengebilan secara prorata *(prorated billing)* yang diamalkan oleh PBAPP dapat memberi penjimatan kepada pengguna antara RM10 hingga RM15 mengikut penggunaan.

PBAPP telah melaksanakan analisis berkaitan dengan pengebilan yang mana mendapati jumlah bil air adalah sama atau lebih rendah apabila pengebilan dibuat secara dwi-bulanan berbanding secara bulanan.

"Malah, pengebilan secara bulanan akan memberi implikasi aliran tunai PBAPP dengan peningkatan kos operasi termasuk kos tenaga pekerja, cetakan bil dan lain-lain kos berkaitan," ujarnya pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-15 di sini pagi ini.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memaklumkan bahawa selepas pemasangan meter air pintar yang sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh PBAPP kini, pengguna boleh memilih cara pengebilan.

"PBAPP memberi opsyen kepada pengguna untuk memilih sama ada pengebilan dilakukan secara bulanan ataupun secara dua bulan sekali," katanya.

Terdahulu, Zairil turut menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Muhammad Fauzi Yusoff yang juga ADUN Sungai Dua berhubung kenaikan tarif air.

Soalan sama turut dibangkitkan oleh ADUN Telok Ayer Tawar, Azmi Alang dengan meminta penjelasan berhubung kewajaran kenaikan tarif air.

Menjelaskan perkara tersebut, Zairil memberitahu bahawa pelarasan tarif air dengan kadar purata bagi 35 meter padu (m3 ) pada RM0.85 per m3 adalah bagi menampung keperluan operasi dan pembangunan infrastruktur bekalan air oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di negeri ini.

Kenaikan tarif air baru-baru ini adalah diperlukan untuk memastikan PBAPP mempunyai kemampuan kewangan mencukupi untuk menampung pelbagai keperluan termasuk Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP2030).

"Melalui WCP2030, PBAPP mengunjurkan untuk meneroka tiga sumber air mentah sekunder tambahan iaitu dari Empangan Mengkuang yang diperbesarkan (EMD); Sungai Kerian dan Sungai Perai.

"Pada masa sama, (pelan tersebut juga adalah) untuk meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau yang mana kos keseluruhan WCP2030 ini adalah RM1.18 bilion.

"Selain itu, projek saluran paip 1,350 milimeter baharu melintasi Sungai Perai; tambahan saluran paip 400 juta liter sehari (JLH) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran EMD ke 1,000 JLH; projek penggantian saluran paip untuk mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW) turut dilaksanakan oleh PBAPP," jelasnya.

Mengenai jumlah subsidi air domestik yang ditanggung oleh PBAPP, Zairil memberitahu bahawa PBAPP masih terus menanggung subsidi air domestik walaupun tarif air baharu berkuat kuasa.

"Pada tahun 2023 sahaja jumlah subsidi yang ditanggung oleh PBAPP adalah sebanyak RM116 juta," katanya.




KETUA Menteri dan barisan Exco menikmati jamuan durian sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Ke-15 di sini baru-baru ini.

# Akta 672: Kerajaan Negeri tunggu persetujuan JPSPN mula rundingan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang menunggu persetujuan daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memulakan rundingan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata, hasrat untuk membuka ruang rundingan bagi menerima pakai Akta 672 telah dipersetujui melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Bilangan 7 pada 28 Februari 2024.

Susulan keputusan itu, satu surat hasrat rundingan telah dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada 26 Mac 2024.

"(Dan) kini, kita (Kerajaan Negeri) sedang menunggu persetujuan untuk memulakan proses rundingan yang dijangka akan mengambil masa sehingga enam bulan sebelum suatu keputusan dapat dimuktamadkan kelak," ujarnya pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini 28 Mei lalu.

Kenyataan tersebut adalah bagi menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng dan ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong.

Mengulas lanjut, Mooi Lye yang juga ADUN Jawi memberitahu bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini masih perlu mengemukakan dokumen berhubung data perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sejak tahun 2021 sehingga 2023.

Mengenai syarat rundingan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan PBT pula, pastinya untuk memastikan tahap mutu perkhidmatan serta kekerapan kutipan dan pembersihan awam adalah setara atau lebih baik dari sekarang ini.

"Proses rundingan ini juga nanti akan turut melibatkan sesi libat urus bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mana opsyen bagi kakitangan PBT akan diperincikan semasa sesi tersebut kelak," jelasnya.

Dalam sesi sama, Mooi Lye turut memaklumkan kepada Dewan kelebihan dan kelemahan penerima pakai Akta 672.

"Antara kelebihannya adalah peruntukan pengurusan sisa pepejal dan pengurusan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan; pembangunan dan pengoperasian Loji *Waste to Energy* akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan pelantikan anak syarikat Kerajaan Negeri sebagai syarikat konsesi.

"Manakala, kelemahan pemakaian akta tersebut adalah penambahan caruman tetap oleh PBT bagi kawasan baharu dan Kerajaan Negeri serta PBT tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.

"Walau bagaimanapun, Akta 672 ini akan memastikan keseragaman dalam pengawalseliaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih cekap, mampan serta mampu merancakkan ekonomi kitaran sekali gus dilihat dapat mengoptimumkan kitar hayat tapak pelupusan sampah (konvensional)," katanya.



**JASON H'ng Mooi Lye.**

THE ANTON
OLEH TAMARINS GROUP
LEGASI BERMULA DI SINI




5% Diskaun Untuk Bumiputera
HAK MILIK KEKAL



Harga Jualan: **RM4,068,000.00 (Min.)**
**RM7,695,000.00 (Mak.)**
Keluasan Binaan: **2,700 kps ke 5,360 kps**



TAMARINS GROUP
Tingkat Bawah, Tamarins House
46 Pengkalan Weld,
10300 Pulau Pinang, Malaysia.
017 - 2351 699
04 - 2626 999
SALES@TAMARINS.MY

Pemaju: Galaksi Bebas Sdn. Bhd. (1290535-V / 201801028509)
Alamat Pemaju: Tingkat Bawah, Tamarins House, 46 Pengkalan Weld, 10300 Pulau Pinang, Malaysia.
No. Lesen Pemaju: 30439/05-2028/0116(N) Tempoh Sah: 3 Mei 2023 - 2 Mei 2028
No. Permit Iklan dan Jualan: 30439-1/10-2026/1179(N)-(S) Tempoh Sah: 27 Okt 2023 - 26 Okt 2026
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang
No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB1665 Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal
Harga Jualan: RM4,068,000 (Min.) - RM7,695,000 (Mak.)
Tarikh Dijangka Siap: Dis 2026

# Dana Pembangunan Belia landasan golongan belia pacu masa depan

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) memperkenalkan Dana Pembangunan Belia bagi memperkasakan lagi golongan belia di negeri ini.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa setakat April 2024, sebanyak 38 permohonan daripada pertubuhan berkaitan belia telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM100,000.

"Pulau Pinang tidak terlepas dalam meraikan golongan belia bagi melonjakkan prestasi mereka untuk terus berbakti serta mengharumkan nama negeri.

"Justeru, Dana Pembangunan Belia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyokong pertubuhan-pertubuhan belia, sayap pemuda bagi pertubuhan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) serta pertubuhan-pertubuhan yang diwujudkan melalui Akta Parlimen.

"Sukacita dimaklumkan, daripada 46 permohonan yang telah diterima oleh panel penilaian, sebanyak 38 permohonan telahpun diluluskan.



DANIEL Gooi Zi Sen.

"(Dan) sebagai makluman juga, program-program yang telah diluluskan juga berpaksikan kepada kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawan, berpersatuan, kepimpinan dan pengiktirafan khusus untuk golongan belia," katanya pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zi Sen yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut memaklumkan bahawa Skim Insentif Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) BEST! Anak Penang masih lagi diteruskan pada tahun ini.

## 4,204 usahawan mikro terima manfaat Skim Pinjaman Harapan

**GEORGE TOWN** – Seramai 4,204 usahawan mikro di negeri ini telah menerima manfaat daripada Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 24 Mei tahun 2024.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol berkata jumlah itu adalah membabitkan nilai pinjaman berjumlah RM29.02 juta.

"Kadar kutipan SPH pada ketika ini adalah 91 peratus, manakala baki dana pula sebanyak RM5.52 juta," katanya pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini 29 Mei lalu.

Di samping itu, Rashidi berkata bahawa seramai 1,162 usahawan terima manfaat daripada 230 program pembangunan usahawan yang telah dijalankan membabitkan agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Dari Januari hingga Mei 2024, jumlah program keusahawanan yang telah dijalankan bersama agensi di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Keusahawanan adalah sebanyak 230 program.

"Antara agensi yang terlibat adalah Pejabat Mara Pulau Pinang, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), *Penang Halal International* (PHI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan pelbagai agensi yang memberi manfaat kepada 1,162 usahawan," jelasnya.



RASHIDI Zinol.

## Komited martabatkan agenda pembangunan agama Islam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Peruntukan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi tahun 2024 meningkat sebanyak 18.02 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa peruntukan Kerajaan Negeri bagi Maksud Pembangunan JHEAIPP meningkat sebanyak RM3.279 juta atau 18.02 peratus bagi tahun 2024.

"Bagi tahun 2023, sebanyak RM18.20 juta diperuntukan manakala untuk tahun 2024 (RM21.48 juta), malah, sebanyak RM715,000 peruntukan disalurkan bagi menambah baik infrastruktur masjid serta surau.

"Hal ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah alpa atau leka dan sentiasa komited dalam memartabatkan agenda pembangunan agama Islam selari dengan Gagasan Visi Penang2030 dalam mencorak hala tuju ke arah sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara menjelang tahun 2030," jelasnya merangkap Exco Pembangunan Agama Islam, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat pada sesi penggulungan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 di sini baru-baru ini.



DR. Mohamad Abdul Hamid.

Sementara itu, Mohamad memberitahu bahawa prestasi kutipan Zakat Pulau Pinang (ZPP) bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM159.7 juta dan agihan, RM173,390,486.93.

"Antara agihan besar ZPP adalah meliputi Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) dan program *Back to School* yang mana sejumlah 12,928 pelajar memohon melalui 160 sekolah, sementara baki 6,871 pelajar diterima menerusi 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), Pegawai Penyelaras KADUN (PPK), Ahli Lembaga Pengarah ZPP serta Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

"Sepertimana saya tegaskan sebelum ini, hanya semata-mata, agihan tidak dibuat melalui wakil pembangkang, bukan bermakna asnaf di kawasan berkenaan dinafikan hak mereka," jelasnya.

## Pastikan keterjaminan makanan tidak goyah

**GEORGE TOWN** - Pejabat Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi mewujudkan Jawatankuasa Pemandu Beras Pulau Pinang bagi memantau pelaksanaan serta pemasaran beras di negeri ini.

Exconya, Fahmi Zainol berkata bahawa usaha itu merupakan sebahagian pendekatan untuk mencapai kadar sara diri yang tinggi tanpa mengira strata masyarakat secara holistik serta bekalan makanan sentiasa mencukupi dan tidak goyah dengan tekanan arus semasa.

"Secara tuntas, kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan cadangan mewujudkan beras jenama tempatan iaitu Beras Cap Feri bagi memastikan beras ini dapat dipasarkan kepada rakyat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pasukan Dr. Suraya Abdul Rashid, graduan *Imperial College London* yang juga merupakan *World's Top 2 percent Scientist 2022 & 2023* dalam kajian fotosintesis bagi mengaplikasikan hasil kajian beliau di Pulau Pinang untuk meningkatkan hasil tanaman secara lebih cepat dan sihat.

"Kerajaan Negeri dalam pada itu juga sedang memberi tumpuan khusus kepada tanaman padi dan tanaman kontan yang mana projek rintis ini sedang berjalan dengan memberi fokus kepada sawah-sawah padi di negeri kita yang terdiri daripada peserta-peserta Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) selain meningkatkan kepakaran melalui teknologi," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 di sini baru-baru ini.



MUJAHID Yusof Rawa.

# Pulihara struktur asal Masjid Melayu Lebuh Acheh

**MASJID** Melayu Lebuh Acheh merupakan antara faktor utama yang melayakkan bandar raya George Town diiktiraf sebagai tapak warisan dunia pada 7 Julai 2008 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Masjid itu dibina pada 1808 Masihi (M) oleh Tengku Syed Hussain Al-Aidid iaitu kerabat diraja Acheh dekat Sumatera, Indonesia yang berhijrah ke negeri ini pada tahun 1791M.

Beliau kemudian membuka penempatan serta mendirikan masjid, rumah kediaman, deretan kedai serta pejabat urusan import dan eksport di sekitar Masjid Melayu Lebuh Acheh kira-kira 216 tahun dahulu.

Menurut garis masa pensejarahan, Masjid Melayu Lebuh Acheh ini dibina dua tahun kemudian selepas Caudeer Mohudeen yang merupakan peranakan India Muslim dari negara India membina Masjid Kapitan Keling pada1906M di tengah-tengah 'segi tiga emas' George Town.

Seperti Masjid Kapitan Keling, Masjid Melayu Lebuh Acheh juga sehingga kini masjid digazetkan sebagai bangunan warisan Kategori 1 berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Bagi bangunan warisan Kategori 1, segala kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan struktur mestilah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Warisan Negara

Pada 29 April 2024, Masjid Melayu Lebuh Acheh telah menerima dua geran penting untuk kerja-kerja pemeliharan dan pemuliharaan bangunan.

Pertama, geran bernilai RM189,161 untuk kerja-kerja memulihara semula bangunan menara masjid termasuk menara yang menjadi salah satu mercu tanda serta tarikan pelancong ke Masjid Melayu Lebuh Acheh.

Satu lagi geran bernilai RM147,000 untuk kerja-kerja memulihara dan memelihara makam Tengku Syed Hussain Al-Aidid serta pusara kerabat diraja Acheh yang terletak berhampiran dengan Masjid Melayu Lebuh Acheh.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Melayu Lebuh Acheh, **DATO' SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA** memberitahu bahawa kerja-kerja restorasi bangunan warisan Kategori 1 yang akan dilaksanakan kelak bukan perkara yang mudah serta tidak sama dengan kerja-kerja mengubah suai struktur bangunan biasa.

"Memang agak mencabar kerana apabila Masjid Melayu Lebuh Aceh diiktiraf di bawah UNESCO, maka, segala kerja-kerja restorasi mestilah mengikut garis panduan berkaitan agar tidak hilang status penarafan yang pernah diberikan pada tahun 2008 dahulu.

"Berusia lebih 200 tahun, Masjid Melayu Lebuh Acheh dengan gabungan seni bina Moorish, Cina dan klasik (termasuk struktur menaranya berbentuk oktagon) sebenarnya telah diiktiraf sebagai status Warisan Negara oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia pada tahun 2006 lagi.

"Sesuai dengan pengiktirafan dan statusnya sebagai bangunan warisan Kategori 1, memang tidak boleh mengubah strukturnya tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berwajib.

"Pada masa sama, kita (Jawatankuasa Kariah Masjid Melayu Lebuh Acheh) mesti memastikan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan mengekalkan struktur bangunan asal.

"Apabila saya berbicarakan kemestian untuk mengekalkan struktur bangunan asal, maksudnya bahan-bahan binaan yang digunakan dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan Kategori 1 mesti terdiri daripada bahan-bahan asal juga.

"Kalau strukur dinding masjid ini rosak umpamanya, mesti dikenal pasti terlebih dahulu bahan apa yang digunakan pada bangunan asal dinding ini maka, bahan ini perlu digunakan untuk memperbaiki bahagian dinding yang rosak itu.

"Ertinya, bahan apa yang dipakai semasa Masjid Melayu Lebuh Acheh dibina pada 1808M, pada tahun 2024 kerja-kerja pemuliharaan mesti menggunakan bahan yang sama dan asal seperti semasa bangunan ini dibuat…kita boleh bayangkan," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** di pejabat pentadbir masjid tersebut pada 13 Mei 2024.

Pada menara masjid yang berbentuk oktagon umpamanya, Mujahid memberitahu bahawa sebahagian struktur asal pernah dua kali dipulihara sebelum ini.

